

25 APR 1996

Usahasama

LAGI SYARIKAT USAHASAMA TULIN DILANCARKAN

SHAH ALAM, 25 April (Bernama) -- Dua puluh lagi syarikat usahasama tulin melibatkan syarikat Melayu dan Cina akan dilancarkan tidak lama lagi, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Datuk Seri Yahaya Ahmad, hari ini.

Katanya, syarikat-syarikat itu adalah kumpulan kedua di bawah Program Usahasama Tulin melibatkan syarikat-syarikat Melayu dan bukan Melayu yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan usahasama itu tidak lama lagi, katanya pada Mesyuarat Agung DPMM cawangan Selangor, yang dirasmikan oleh Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, di sini.

Kumpulan pertama iaitu 12 syarikat usahasama, hasil gabungan 24 syarikat Melayu dan Cina, telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun lepas.

Program itu antara lain bertujuan mewujudkan usahawan Melayu yang lebih berdaya saing, berdaya tahan dan mampan pada arena perniagaan tempatan dan antarabangsa.

Yahaya juga berkata kerajaan juga telah memerikan kepercayaan kepada DPMM sebagai fasilitator program pembangunan vendor dan francais yang dianjurkannya.

Katanya DPMM telah mengenalpasti beberapa syarikat induk termasuk Edaran Otomobil Nasional (EON), Perusahaan Otomboli Nasional (Proton), Penerbangan Malaysia (MAS), Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad yang telah bersetuju menyertai program itu.

Beliau berkata DPMM sedang berunding dengan syarikat-syarikat itu bagi mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang boleh diusahakan oleh syarikat-syarikat vendor.

Sementara itu Yang DiPertua DPMM Selangor, Datuk Yaacob Hamid berkata DPMM Selangor akan menganjur seminar Pembangunan Lembah Bernam dan Pembangunan Anjung Selatan masing-masing pada Julai dan Ogos ini, yang bertujuan memberikan pendedahan dan maklumat kepada usahawan Melayu mengenai peluang perniagaan berikutan pembangunan di kedua-dua kawasan itu.

-- BERNAMA

KM NAK